

25 MAY 1999

Mahkamah-Anwar

DR MAHATHIR POHON BATALKAN SAMAN FITNAH RM100 JUTA ANWAR

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memfailkan permohonan untuk membatalkan saman fitnah RM100 juta yang dikemukakan terhadap beliau oleh bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Permohonan itu difailkan di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil di sini semalam.

Dr Mahathir juga memohon kebenaran untuk meminda pernyataan pembelaannya yang dibuat pada 19 Mei dan mahkamah menetapkan 21 Jun bagi perkara itu didengar oleh Hakim Datuk Dr R.K. Nathan.

Anwar, 51, mendakwa Dr Mahathir memfitnah beliau pada satu persidangan media yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri pada 22 Sept tahun lepas.

Beliau mendakwa Dr Mahathir telah secara salah dan berniat jahat bercakap kepada wartawan tempatan dan asing mengenai perilaku beliau sebagai timbalan perdana menteri dan penuturan perkataan berunsur fitnah itu telah menjejaskan perwatakan dan reputasi beliau di peringkat nasional dan antarabangsa.

Dalam pernyataan pembelaannya, Dr Mahathir berkata perkataan yang didakwa berunsur fitnah itu dibuat dalam kapasitinya sebagai Perdana Menteri Malaysia yang mempunyai keistimewaan bersyarat.

Anwar, dalam jawapannya, berkata Dr Mahathir tidak boleh menggunakan keistimewaan bersyarat itu dalam pembelaannya.

Katanya perdana menteri tidak boleh bergantung kepada pembelaan keistimewaan bersyarat kerana semasa Dr Mahathir menuturkan dan menyebabkannya diterbitkan dan diterbitkan semula, di peringkat nasional dan antarabangsa, perkataan berunsur fitnah itu, telah bertindak secara jahat dan berniat tidak baik.

Selain RM100 juta bagi ganti rugi, kos dan faedah lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah, Anwar juga memohon injunksi untuk menghalang Dr Mahathir daripada terus membuat sebarang kenyataan berunsur fitnah terhadap beliau.

Beliau juga menyaman Sun Media Corporation Sdn Bhd, menuntut RM100 juta lagi sebagai ganti rugi kerana fitnah berhubung artikel yang diterbitkan dalam akhbarinya, The Sun, ekoran saman terhadap perdana menteri.

Anwar, yang dipecat daripada Kabinet pada 2 Sept tahun lepas sedang menjalani hukuman penjara enam tahun selepas beliau didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi terhadap empat pertuduhan rasuah pada 14 April.

Beliau juga akan dibicarakan terhadap tuduhan meliwat pada 7 Jun ini.

-- BERNAMA

SBB RHM